

NO. KAD PENGENALAN:

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA: TINGKATAN:



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR

PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026 SEJARAH TINGKATAN 5

Kertas 2

1249/2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan dan sekolah anda pada petak yang disediakan
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas peperiksaan ini. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan buku jawapan bersama-sama kertas peperiksaan ini dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1 Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan *British Military Administration* (BMA).

(a) Nyatakan **dua** faktor penubuhan Malayan Union.

(i)

(ii) [2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union.

.....

.....

.....

.....

.....

..... [4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan Malayan Union.

Pentadbiran Malayan Union (1.4.1946 - 1948), secara umumnya telah menukar taraf kedudukan Tanah Melayu sebagai sebuah negeri naungan kepada negeri jajahan British. Kuasa pentadbiran Tanah Melayu terletak sepenuhnya kepada Gabenor British.

Sumber: <https://pustakailmu.arkib.gov.my>

Mengapakah pentadbiran tersebut dibantah oleh orang Melayu?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 2 Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, gerakan politik mencapai kematangan apabila berlaku kerjasama politik antara kaum di negara kita.

(a) Nyatakan dua kerjasama politik tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kerjasama politik pada 2(a).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Kerjasama politik dalam pilihan raya Malaysia adalah melibatkan pembentukan gabungan parti bagi mengukuhkan pentadbiran dan menjamin kestabilan politik. Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 (a) Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dari aspek:

(i) Kuasa eksekutif

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(ii) Kuasa perundangan

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- (c) Gurindam berikut berkaitan dengan hubungan antara raja dengan rakyat.

TAAT SETIA RAJA DAN RAKYAT

Raja muafakat dengan menteri
Seperti kebun berpagar duri

Betul hati kepada raja
Tanda jadi sebarang kerja

Hukum adil atas rakyat
Tanda raja beroleh inayat
Karya: Raja Ali Haji

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

4 Negara kita menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia terutama di Sarawak dan Sabah.

(a) Apakah cabaran pembangunan dan sosioekonomi yang dihadapi di kedua-dua wilayah tersebut?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan mengatasi cabaran tersebut?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Baca petikan berikut.

KUCHING, 16 September - Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg berharap pembangunan ekonomi negeri akan terus pesat dan keharmonian sedia ada dikalangan rakyat pelbagai agama dan bangsa terus kekal pada masa hadapan dengan menjulang semangat "Segulai Sejalai".

Sumber: <https://berita.rtm.gov.my/>
16 September 2024

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5 Perjuangan melalui persatuan memperlihatkan perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

(a) Jelaskan perjuangan persatuan Melayu dalam memperjuangkan kepentingan bangsa.

[6 markah]

(b) Bagaimanakah persatuan masyarakat Cina dan India mengembangkan idea nasionalisme di Tanah Melayu?

[6 markah]

(c) Teliti poster berikut.



Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

6 Matlamat Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menubuhkan sebuah kerajaan republik komunis telah mencetuskan keadaan huru-hara di Tanah Melayu.

(a) Jelaskan latar belakang penubuhan Parti Komunis Malaya.

[4 markah]

(b) Bagaimanakah rancangan perang saraf berjaya menangani ancaman komunis pada ketika itu?

[8 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

“Komunis melakukan pelbagai kegiatan kekerasan dan keganasan seperti menyerang orang awam, membakar kampung, menyerang estet getah dan lombong timah serta mensabotaj kemudahan asas sehingga mengancam keselamatan dan kestabilan Tanah Melayu.”

Sumber: Persaingan Kuasa Antara Komunis Dengan Kerajaan di Tanah Melayu, 1948-1960, Ho Hui Ling, Universiti Malaya, Malaysia.

Jelaskan kesan kepada negara jika keadaan tersebut kekal hingga kini.

[8 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

7 Kerajaan Indonesia telah mengumumkan dasar konfrontasi sebagai reaksi terhadap rancangan pembentukan Malaysia.

(a) Jelaskan peristiwa konfrontasi tersebut.

[6 markah]

(b) Huraikan usaha Malaysia menangani konfrontasi yang berlaku.

[6 markah]

(c) Tajuk akhbar berikut berkaitan anasir yang mengancam kedaulatan negara.

Serangan siber ancam kedaulatan, kestabilan negara. Sumber: Berita Harian, 14 Ogos 2015	<i>Ancaman digital cabaran kepada kedaulatan negara.</i> Sumber: Utusan Malaysia, 11 Februari 2026
Ancaman kumpulan ekstremis tidak boleh dipandang remeh. Sumber: Berita Harian, 4 Januari 2026	Pencerobohan nelayan asing di Pantai Timur tahap ancaman. Sumber: Harian Metro, 18 Oktober 2025

Beri ulasan anda.

[8 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

8 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) membantu rakyat menikmati kehidupan yang lebih baik.

(a) Jelaskan latar belakang DEB dan DPN.

[4 markah]

(b) Huraikan kejayaan dasar tersebut dari aspek sosial.

[8 markah]

(c) Gambar berikut boleh dikaitkan dengan kewujudan golongan pertengahan hasil pelaksanaan DEB dan DPN.



Jelaskan sumbangan golongan tersebut kepada negara.

[8 markah]

9 (a) Terangkan usaha Malaysia bagi mencapai wawasan masa hadapan dalam perkara berikut:

(i) Komuniti ASEAN

[4 markah]

(ii) Zon bebas nuklear

[4 markah]

(iii) Hak asasi manusia, pelarian dan pendatang asing tanpa izi (PATI)

[4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan jenis laluan dan proses kemasukan yang digunakan oleh PATI untuk ke Malaysia.

Jadual 1: Jenis laluan yang digunakan

Jenis	%	% kumulatif
Laut	22.2	22.2
Udara	51.9	74.1
Darat	25.9	100.0
Jumlah	100.0	

Semasa proses kemasukan, kebanyakan PATI telah menggunakan khidmat ejen untuk diseludup masuk dengan mengenakan bayaran tertentu. Walaupun bayaran tersebut bergantung kepada persetujuan di antara ejen dan pendatang namun, ada di antara PATI yang gagal menyediakan sejumlah wang yang diminta.

Sumber: Migrasi Antarabangsa dan Perdagangan Manusia di Malaysia: Kajian Kes Terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), Mohd Na'eim Ajis, Kamarulzaman Askandar dan Saadon Awang.

Jelaskan maklumat dalam petikan tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT